

## **TERAS HATI BUDI MELAYU BERTEMAKAN AGAMA ISLAM DALAM LAKUAN PERTUTURAN GURU**

*(Islamic Theme Core Malay Psyches in the Teacher Speech Acts)*

Muhammad Zuhair Zainal, Shahir Akram Hassan & Aznan Che Ahmad

### **ABSTRAK**

Kajian literatur menunjukkan selain pemikiran dan falsafah yang tinggi, unsur-unsur keperibadian mulia juga terkandung dalam hati budi Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Hashim Hj. Musa (2008) mendapati terdapat 26 Teras Hati Budi Melayu (THBM) yang sangat elok nilainya dan wajar dipraktikkan oleh setiap warganegara Malaysia, khususnya warga pendidik. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk membincangkan THBM yang bertemakan agama Islam dalam lakuan pertuturan guru. Kajian ini berbentuk fenomenologi hermeneutik dengan menggunakan kaedah tidak menonjol dan turut mengaplikasikan kaedah kepustakaan serta teknik analisis kandungan. Sebanyak lapan rekod audiovisual pengajaran telah diperolehi daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua rekod audiovisual pengajaran tersebut telah ditranskrip ke bentuk teks. Kemudian kesemua teks tersebut telah dianalisis berpandukan kata kunci-kata kunci yang bertemakan Agama yang dikemukakan oleh Rozita Che Rodi (2013). Hasil kajian mendapati THBM yang bertemakan agama Islam sememangnya terdapat dalam lakuan pertuturan guru, sama ada secara tersurat atau tersirat. Penerapan THBM bertemakan agama Islam secara tersurat dapat diteliti melalui lakuan perlakuan pengucapan, manakala penerapan secara tersirat boleh diteliti melalui perlakuan niat pengucapan. Kajian ini dapat dijadikan panduan kepada warga pendidik untuk menerapkan THBM bertemakan agama Islam yang berupa nilai-nilai murni yang bersifat sejagat ketika proses pengajaran. Di samping itu, kajian ini dapat membantu penyelidik yang akan datang untuk membangunkan model nilai-nilai murni berteraskan THBM untuk dijadikan sebagai salah satu daripada Elemen Merentas Kurikulum, khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

**Kata kunci:** hati budi Melayu, lakuan pertuturan, pengajaran dan pembelajaran, bahasa Melayu, pragmatik

### **ABSTRACT**

The literature review shows that instead of thought and high philosophy, noble personality elements are also contained in the Malays Psyches. The study conducted by Hashim Hj. Musa (2008) found that there are 26 Core Malay Psyches (CMP) which are very good value and fair practiced by every Malaysian, especially educators. In this regard, the objective of this study is to discuss Islamic theme CMP in the speech acts of teachers. This study is in the form of hermeneutic phenomenology by using unobtrusive research methods and also applying library methods and content analysis techniques. A total of eight teaching audio-visual records were obtained from the Education Technology Division, Ministry of Education Malaysia. All the

audio-visual records of the teaching were transcribed into text form. Then all the texts were analysed based on the keywords with the theme of religion presented by Rozita Che Rodi (2013). The results of the study found that CMP with Islamic theme is indeed exist in the speech acts of teachers, either explicitly or implicitly. The implicit application of Islamic theme CMP can be examined through the locutionary act, while the implicit application can be examined through the illocutionary act. This study can be used as a guide for educators to apply Islamic theme CMP in the form of moral values that are universal during the teaching process. In addition, this study may help researchers in the future to develop a model of moral values based on CMP to serve as one of the Cross-Curricular Elements especially for Malay Language.

**Keywords:** Malay psyches, speech acts, teaching and learning, malay language, pragmatics

## **PENDAHULUAN**

Dalam penggunaan bahasa masyarakat Melayu terkandungnya akal budi. Menurut Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2016, 266) “Akal budi Melayu mencerminkan impak perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan berbahasa. Perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang ini diterjemahkan dalam pelbagai rupa.” Junaini Kasdan dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015) pula berpandangan bahawa akal budi merujuk kepada pemikiran tinggi yang bijaksana yang saling paut-memaut pada makna yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan.

Istilah hati budi pada pendapat Isnariah Idris dan Che Ibrahim Salleh (2017) ialah elemen minda dan jiwa yang bertindak secara bersama-sama dalam diri seseorang dan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan, pekerti, norma, dan pemikiran. Hashim Hj. Musa (2008, 4-6) pula berpandangan “hati budi ialah hakikat diri seorang manusia. ‘Hati’ tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan (drive), dan juga tempat penerima hidayat Ilahi iaitu ‘hati nurani’. ‘Budi’ ialah akal; daya fikir untuk memahami sesuatu perkara, dan kebolehan untuk berdalil dan menyimpulkan secara rasional, juga merupakan kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang ‘budiman’.

Kajian tentang akal budi dan hati budi Melayu banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Melayu. Kajian tersebut melibatkan teks Sejarah Melayu, warkah Melayu Tradisional, peribahasa, kiasan, pantun, mantera dan sebagainya. Norazimah Zakaria et al. (2018, 207) mendapati Teks Sejarah Melayu secara jelas melambang tradisi akal budi bangsa yang tinggi. Menurut pengkaji, Teks Sejarah Melayu “memenuhi fungsinya sebagai sebuah manuskrip yang mempunyai akal budi bangsa Melayu yang tinggi kerana terserlah di dalamnya gambaran hidup masyarakat yang mempunyai adab yang tinggi”. Kajian hati budi Melayu dalam warkah Melayu tradisional telah dilakukan oleh Isnariah Idris dan Che Ibrahim Salleh (2017, 325-326) Berpandukan Teori Medan Semantik, mereka telah menemukan 10 frasa berteraskan hati budi Melayu dan berpusatkan kata fokus “tulus”. Berdasarkan kata fokus tersebut, sebanyak 12 kata kunci dan pemaknaan asasnya telah dapat dihuraikan. Kata kunci tersebut ialah ‘syukur’, ‘doa’, ‘tawakal’, ‘gigih’, ‘tekun’, ‘jujur’, ‘cekal’, ‘memaafkan’, ‘yakin’, ‘taat’, ‘sanggup’, dan ‘berterima kasih’. Secara dasarnya, makna asasi bagi setiap kata kunci membuktikan bahawa masyarakat Melayu tradisional mempunyai keperibadian dan nilai kehidupan yang tersendiri. Kata kunci yang dikenal pasti melambangkan jati diri masyarakat Melayu tradisional dan mempunyai tujuan atau pandu arah dalam kehidupan.

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Hawiyah Baba dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Ahmad Fuad Mat Hassan (2016) dan Rozita Radhiah Said (2016) telah dapat mengesan

akal dan budi Melayu dalam peribahasa. Dapatan daripada kajian-kajian tersebut mendapati bahawa peribahasa Melayu bersifat serampang dua mata yang mempunyai dua tujuan yang berlainan. Peribahasa bukan sahaja menunjukkan orang Melayu bijak menyusun bahasa yang indah, malah orang Melayu bijak dalam menyampaikan sindiran, teguran dan menerapkan nilai-nilai yang tinggi. Peribahasa juga merangkumi aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik dan ianya menunjukkan kekuatan peribahasa Melayu dalam menyampaikan pengajaran, teladan, tunjuk ajar dan panduan hidup kepada ahli masyarakatnya sekali gus memapar dan menonjolkan warisan budaya pemikiran Melayu dahulu yang relevan sehingga ke hari ini dan akan kekal pada masa akan datang.

Selain itu, peribahasa melambangkan pemikiran aras tinggi bangsa. Pengamatan serta kedalaman makna yang cuba disampaikan melalui peribahasa tetap ampuh mendukung maksud sesuatu situasi dalam kontekstual yang berbeza-beza, merentasi masa dan keperluan zaman. Keindahan bahasa, ketajaman akal, kekuatan pemerhatian, ketepatan kosa kata, kedalaman makna, kesantunan perlambangan, kejituan analogi serta kelestarian dokongan makna sangat jelas melambangkan ketinggian akal budi serta budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu. Unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam peribahasa telah lama dibudayakan dalam cara berfikir masyarakat Melayu. Mendidik anak bangsa berfikir menggunakan peribahasa merupakan satu budaya yang perlu dilaksanakan dengan lebih tegas dalam kurikulum pendidikan negara.

Kiasan Melayu turut mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan budaya dan akal budi Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2016, 313) mendapati bahawa kiasan Melayu yang berunsurkan asosiasi deria rasa masam, masin, manis dan pahit mengandungi unsur-unsur nasihat, pengajaran, teladan dan mesej untuk dijadikan panduan dan pedoman tanpa melukakan hati mana-mana pihak. Kiasan sesuatu bahasa bukan sahaja memperkaya khazanah bahasa, bahkan dapat memancarkan pandangan hidup, nilai, sikap, cara berfikir, dan kepekaan akal budi masyarakat pengguna bahasa itu sendiri. Begitu juga halnya dengan pantun, Nirwana Sudirman dan Zulkifley Hamid (2016) berpendapat pantun Melayu merupakan pengungkap akal budi orang Melayu. Dalam pantun yang dikaji, pengkaji mendapati pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perunggu minda orang Melayu tentang kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perekonomian.

Dalam mantera orang Melayu, Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid (2016) mendapati bahawa sememangnya wujud akal budi masyarakat Melayu dalam mantera yang mereka hasilkan. Sebagai contoh, perlambangan buah pinang dalam mantera “Seri pinang naik ke muka” menggambarkan keturunan yang baik, budi pekerti jujur serta memiliki darjat yang tinggi, bersedia melakukan pekerjaan dengan hati terbuka dan bersungguh-sungguh. Hal ini dikatakan demikian kerana merujuk kepada sifat pokok pinang yang tinggi, lurus ke atas serta mempunyai buah yang lebat dalam satu tandan. Selain itu, khasiat yang terdapat pada buah pinang muda mampu melicinkan kulit serta menyerlahkan keserian pada wajah. Di samping itu, seri yang terdapat pada buah pinang bukan sahaja diibaratkan dapat mencantikkan wajahnya dan baik budi pekerti serta akhlaknya, bahkan dianggap mempunyai satu kuasa yang dipercayai boleh memberikan semangat kepada seseorang untuk tampil yakin di khalayak ramai.

Kajian-kajian yang dijelaskan di atas menunjukkan bahawa akal dan hati budi Melayu terakam dalam penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Akal dan budi Melayu tersebut dapat diterjemahkan sebagai nilai-nilai murni yang mempunyai hubungan signifikan dalam pembentukan insan berkeperibadian hebat dan unggul. Namun begitu, kajian-kajian

tersebut tidak mengkonseptualisasikan akal budi Melayu dengan ajaran agama Islam secara holistik sebagaimana yang telah dilakukan oleh Hashim Hj. Musa (2008) dan Rozita Che Rodi (2012; 2013). Sungguhpun begitu, kajian yang dilakukan oleh Hashim Hj. Musa dan Rozita Che Rodi masih lagi dalam ruang lingkup sastera bukannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan hati budi Melayu dari perspektif agama Islam dalam lakuan pertuturan guru ketika dalam proses PdP. Kajian ini penting dijalankan kerana ia dapat mengkonseptualisasikan hati budi Melayu dengan ajaran agama Islam berpandukan al-Quran dan al-Hadis dan dapat meneliti bentuk lakuan pertuturan guru untuk menerapkan hati budi Melayu bertemakan agama Islam kepada murid-murid.

### **TERAS HATI BUDI MELAYU**

Hasil kajian Hashim Hj. Musa (2008, 7) terhadap simpulan bahasa Melayu, pantun Melayu lama dan juga beberapa hasil tulisan tentang adab, tunjur ajar, akhlak dan budaya Melayu, maka tertubuhlah 26 Teras Hati Budi Melayu (THBM).

Jadual 1: 26 Teras Hati Budi Melayu (THBM)

<b>Komponen</b>	<b>THBM</b>
1	Hidup berteraskan agama Islam.
2	Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal.
3	Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan & kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu.
4	Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka.
5	Setia kepada ketua yang adil dan terpuji.
6	Halus budi bahasa dan budi pekerti.
7	Sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat.
8	Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu.
9	Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas.
10	Prihatin tentang harga diri, maruah yang terjelma dalam istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”.
11	Tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya.
12	Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan.
13	Menanam budi dan membalas budi.
14	Sifat pemaaf dan pemurah.
15	Sifat kasih sayang.
16	Hidup sederhana.
17	Setia dan rela berkorban.
18	Sikap berdikari.
19	Menghormati hak dan milik.
20	Kejujuran dan keikhlasan.
21	Berbaik sangka terhadap sesama makhluk.
22	Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang.
23	Sifat amanah.
24	Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa.
25	Memandang masa depan.
26	Mensyukuri nikmat Allah.

Hashim Hj. Musa (2008, 7-12) telah mengemukakan 26 THBM tersebut dengan disertakan rangkapan puisi Melayu lama daripada Tenas Effendi (2004) sebagai bukti pembinaannya. Antara contohnya adalah seperti berikut (Hashim Hj. Musa 2008, 7-12):

1. Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu:

*Bila bekerja tekun dan sabar,  
Punca rezeki terbuka lebar.  
Berfaedah pada diri, bertuah pada negeri,  
Bermanfaat pada umat, berguna pada bangsa,  
Berkat di dunia, rahmat di akhirat, anak cucu selamat.*

2. Sentiasa bermuafakat, bertenggang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat:

*Apa tanda hidup beradat:  
Runding selesai dalam muafakat,  
Hak ditakar, kewajipan disukai,  
Mana yang jauh diperdekat,  
Mana yang jarang diperapat,  
Mana yang lupa diberi ingat,  
Kata putus pendapat pun bulat,  
Seia sekata ke laut ke darat.*

3. Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas:

*Apa tanda Melayu bertuah:  
Hemat cermat dalam melangkah,  
Hemat cermat memelihara maruah,  
Hemat cermat memelihara lidah,  
Hemat bercakap cermat melangkah.*

4. Memandang masa depan:

*Kalau memandang jauh ke depan,  
Banyaklah bekal perlu disiapkan,  
Siapa memandang jauh ke muka,  
Hilanglah sifat loba serakah,  
Siapa tak mahu memandang ke muka,  
Hidupnya sesat anak cucu celaka.*

26 THBM tersebut merupakan sejumlah unsur keperibadian sosial yang terpilih yang menjadi pemusatan utama struktur peribadi kebanyakan orang Melayu secara arus perdana yang terbentuk (sama ada secara realiti ataupun secara idaman) akibat daripada pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama oleh mereka (Hashim Hj. Musa 2008, 12-13). THBM tersebut wajar dijadikan sebagai nilai murni untuk diterapkan oleh guru-guru dalam proses PdP, sama ada secara formal atau tidak formal. Penerapan 26 THBM dalam proses PdP

akan dapat membentuk modal insan yang budiman. Hashim Hj. Musa (2008, 26) menyatakan bahawa terdapat tiga sifat orang yang budiman, iaitu:

1. Budi pekerti dan adab sopan yang mulia.
2. Budi bahasa dan budi bicara yang mulia.
3. Akal budi dan hati budi yang tinggi.

Konsep THBM ini kemudiannya dikembangkan oleh Rozita Che Rodi (2012, 124). Beliau telah mengelompokkan 26 komponen THBM kepada empat tema berdasarkan kata fokus utama, iaitu Agama, Didikan, Ilmu dan Nilai. Terdapat dua komponen THBM yang bertemakan Agama, iaitu (Rozita Che Rodi 2012, 248-249):

1. Hidup berteraskan agama Islam:


*Adat bersendikan hukum,  
Hukum bersendikan syara`,  
Syara` bersendikan Kitabullah.  
Syara` mengata, adat memakai,  
Ya kata syara`, benar kata adat.*

2. Mensyukuri nikmat Allah:

*Siapa hidup mensyukuri nikmat,  
Hidup matinya beroleh rahmat,  
Sebarang kerja takkan menyalah,  
Hidupnya tidak berkeluh kesah,  
Siapa melupakan nikmat Allah,  
Alamat hidupnya tak dapat berkat,  
Lambat laun akan terlaknat,  
Hidup matinya dalam mudarat.*

Dalam pepatah di atas, terdapat beberapa perkataan yang menjadi kata kunci utama bagi kedua-dua komponen THBM tersebut. Perkataan tersebut ialah 'hukum', 'syara`', 'Kitabullah', 'nikmat', dan 'berkat'. Namun begitu, hasil kajian yang dijalankan oleh Rozita Che Rodi (2012, 167) menunjukkan bahawa terdapat beberapa kata kunci lain yang mempunyai jalinan perkaitan makna dengan keempat-empat kata kunci tersebut. Antaranya ialah 'adil', 'benar', 'taat', 'amanah', 'jujur' (berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, definisi jujur ialah lurus hati, tulus, ikhlas), 'sabar', 'malu', 'mengasihi', 'menyayangi', 'akhlak', 'kewajipan', dan 'ilmu'. Kesemua kata kunci tersebut menjelaskan secara menyeluruh tentang penumpuan makna bagi tema kata fokus Agama dan lingkungan konsepsi teras kepercayaan agama Islam.

Rajah 1: Jalinan perkaitan makna kata fokus “Agama” dan lingkungan konsepsi teras kepercayaan agama Islam



Sumber: Rozita Che Rodi (2012, 271)

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini berbentuk fenomenologi hermeneutik. Kajian fenomenologi hermeneutik ialah kajian yang membolehkan pengkaji untuk mentafsir sesuatu bahan teks dari sudut pandang pengkaji berasaskan pengalaman-pengalaman yang sedia ada (Nawawi 2017). Oleh sebab itu, pengkaji telah mentafsir teks-teks transkrip kajian dengan berpandukan teori pragmatik. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah tidak menonjol (*unobtrusive research*) untuk memperoleh data kajian. Kaedah tidak menonjol ialah cara mengumpulkan data yang tidak melibatkan langsung peserta kajian dalam pemerolahan maklumat (Lee 2019). Data kajian ialah rekod audiovisual pengajaran bahasa Melayu milik Bahagian Teknologi Pendidikan (BTPN) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai sampel kajian.

Pengkaji telah memohon kebenaran daripada pihak BTPN KPM untuk mendapatkan salinan rekod audiovisual pengajaran dan pihak BTPN KPM memberikan kebenaran untuk mendapatkannya. Hasilnya, pengkaji telah memperoleh lapan rekod audiovisual pengajaran yang diajar oleh guru bahasa Melayu yang terpilih. Rekod Audiovisual pengajaran tersebut dirakam oleh empat buah BTPN, iaitu BTPN Pulau Pinang, BTPN Selangor, BTPN Kelantan dan BTPN Johor.

Lapan rekod audiovisual pengajaran tersebut ditonton berulang kali oleh pengkaji dan kemudiannya ditanskripsi ke bentuk transkrip yang kesemuanya berjumlah 161 helai muka surat. Selanjutnya pengkaji telah melakukan analisis kandungan terhadap semua transkrip rekod pengajaran tersebut, iaitu menyaring dan mengelaskan kesemua ujaran yang terdapat pada transkrip rekod pengajaran tersebut berpandukan kata kunci-kata kunci yang bertemakan Agama seperti yang dicadangkan oleh Rozita Che Kodi (2012). Kemudian pengkaji

menganalisis ujaran-ujaran guru yang telah dikelaskan mengikut kata kunci-kata kunci yang bertemakan Agama berpandukan Teori Lakuan Pertuturan Austin (1962) dan Searle (1969).

Dalam Teori Lakuan Pertuturan Austin (1962) dan Searle (1983), terdapat tiga lakuan pertuturan, iaitu perlakuan pengucapan (lokusi), perlakuan niat pengucapan/niat penutur (ilokusi) dan perlakuan tindak balas pengucapan (perlokusi). Sebagai contohnya, dalam situasi seseorang bapa ingin menyuruh anaknya tidur, lalu bapa tersebut berkata:

*“Saya akan padamkan lampu.”*

“Saya akan padamkan lampu.” merupakan lokusi, manakala ilokusi bagi ujaran tersebut mungkin berbentuk satu arahan supaya anaknya tidur. Selanjutnya, perlokusi berdasarkan ujaran itu, kanak-kanak tersebut menjadi takut, diam dan terus tidur (Zainal 2017, 195). Dalam kajian ini pengkaji hanya akan membincangkan tentang perlakuan pengucapan (lokusi), perlakuan niat pengucapan/niat penutur (ilokusi) sahaja.

Selain itu, untuk mengkonseptualisasikan kata kunci-kata kunci yang bertemakan Agama dengan ajaran agama Islam berpandukan ayat al-Quran dan Hadis, pengkaji telah menjalankan kajian kepustakaan. Kaedah ini dijalankan bertujuan memadankan kata kunci-kata kunci yang bertemakan Agama dengan ayat al-Quran dan Hadis. Kemudian pengkaji telah memohon Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNP) untuk menyemak kesesuaian dan kesahihan ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang dipilih oleh pengkaji dengan kesemua kata kunci yang bertemakan Agama. JMNP telah membuat semakan dan pengesahan terhadap kesesuaian dan kesahihan ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang dipilih oleh pengkaji.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Oleh sebab terdapat beberapa kata kunci yang disenaraikan oleh Rozita Che Rodi mempunyai pertindihan makna atau pertalian makna yang sangat erat antara satu sama lain, maka pengkaji telah menggabungkan kata kunci-kata kunci tersebut. Penggabungan kata kunci-kata kunci tersebut dilakukan berdasarkan makna literalnya dengan berpandukan Kamus Dewan (“Pusat Rujukan Persuratan Melayu,” 2020).

Kata kunci-kata kunci yang digabungkan yang pertama ialah; Hukum dan Syara`, dalam Kamus Dewan terdapat rangkai kata yang menggabungkan kedua-dua perkataan tersebut, iaitu hukum syarak, definisinya ialah hukum yang didasarkan pada al-Quran, hadis, ijmak dan qias. Kedua ialah Nikmat dan Berkat; kata nikmat bermaksud anugerah Allah atau kurnia, manakala kata berkat pula bermaksud kurnia atau rahmat Allah yang mendatangkan kebaikan kepada kehidupan manusia. Oleh sebab kedua-dua perkataan ini mempunyai pertalian makna dan konotasi yang hampir sama, maka kata kunci yang sesuai untuk kedua-dua perkataan ini ialah Mensyukuri Nikmat. Kata kunci yang ketiga yang digabungkan ialah Mengasihi dan Menyayangi kerana kedua-dua perkataan ini sememangnya mempunyai makna yang sama. Makna mengasihi ialah menaruh kasih akan (pada), menyayangi, mencintai, manakala makna menyayangi ialah berasa sayang akan, mengasihi, mencintai.

### ***Konseptualisasi THBM yang bertemakan agama dengan al-Quran***

Kata kunci-kata kunci yang dinyatakan dalam Rajah 1, yakni Hukum Syara`, Kitabullah, Mensyukuri Nikmat, Adil, Benar, Taat, Amanah, Jujur, Sabar, Malu, Mengasihi dan Menyayangi, Akhlak, Kewajiban dan Ilmu sememangnya merupakan sebahagian daripada

ajaran agama Islam dan telah terakam dalam al-Quran dan al-Hadis, sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Hal ini dapat diperhatikan melalui makna ayat-ayat al-Quran (“Surah.my,” 2020) di bawah:

1. Hukum Syara`:

Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya. Oleh sebab itu jika mereka berhujah (menyangkal dan) membantahmu (Wahai Muhammad), maka katakanlah: "Aku telah berserah diriku kepada Allah dan demikian juga orang-orang yang mengikutku". Dan bertanyalah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab, dan orang-orang yang "Ummi" (orang-orang musyrik Arab): "Sudahkah kamu mematuhi dan menurut (agama Islam yang aku bawa itu)?" Kemudian jika mereka memeluk Islam, maka sebenarnya mereka telah memperoleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (tidak mahu menerima Islam), maka sesungguhnya kewajipanmu hanyalah menyampaikan (dakwah Islam itu). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat (tingkah laku) sekalian hambaNya (Ali 'Imran 3:18-20)

2. Kitabullah:

Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya, dan kepada Kitab Al-Quran yang telah diturunkan kepada RasulNya (Muhammad), dan juga kepada Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripada itu. Dan sesiapa yang kufur ingkar kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya dan juga Hari Akhirat, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh. (An-Nisa` 4:136)

3. Mensyukuri Nikmat:

Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu). (al-Baqarah 1: 152)

4. Adil:

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan

keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan. (al-Maidah 5:8)

5. Benar:

Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun. (al-Ahzab 33:23)

6. Taat:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (an-Nisa' 4:59)

7. Amanah:

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). (al-Anfal 8:27)

8. Jujur (Ikhlas):

Katakanlah lagi (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat kepadaNya. (az-Zumar 39:11)

9. Sabar:

Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan), dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh, di medan perjuangan), dan bersedialah (dengan kekuatan pertahanan di daerah-daerah sempadan) serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya, kamu berjaya (mencapai kemenangan). (Ali 'Imran 3:200)

10. Malu:

Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: "Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalas budimu memberi minum binatang ternak kami". Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku

(mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: "Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat dari kaum yang zalim itu". (al-Qasas 28:25)

#### 11. Mengasihi dan Menyayangi:

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. (ar-Rum 30:21)

#### 12. Akhlak:

Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya. (al-Baqarah 2:83)

#### 13. Kewajipan:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. (Ali-'Amran 3:104)

#### 14. Ilmu:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). (al-'Alaq 96:1)

### ***Konseptualisasi THBM yang bertemakan agama dengan al-Hadis***

Hadis-hadis yang dinyatakan di bawah merupakan hadis-hadis yang berkaitan dengan kata kunci-kata kunci yang dibincangkan, iaitu Hukum Syara`, Kitabullah, Mensyukuri Nikmat, Adil, Benar, Taat, Amanah, Jujur, Sabar, Malu, Mengasihi dan Menyayangi, Akhlak, Kewajipan dan Ilmu. Hadis-hadis tersebut terakam dalam kitab-kitab hadis yang muktabar, seperti Wuwatta Malik, Sahih Bukhari, Sahih Muslim dan Jami` at-Tirmidhi ("The Hadith of the Prophet Muhammad (صلى الله عليه وسلم) at Your Fingertips," 2020).

#### 1. Hukum Syara`:

Dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Muaz menjawab: Aku akan berhukum dengan apa yang terdapat di dalam Kitabullah. Baginda bersabda: Sekiranya ia tidak terdapat di

dalam Kitabullah? Maka jawab Muaz: Aku akan berhukum dengan Sunnah Rasulullah SAW Baginda bertanya lagi: Sekiranya tidak terdapat di dalam Sunnah Rasulullah SAW? Jawab Muaz: Aku akan berijtihad dengan pendapatku. Maka Rasulullah SAW bersabda: Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah SAW. (Jami` at-Tirmidhi) (“Chapter: What has been Related About How The Judge is to Make A Judgement,” 2020)

2. Kitabullah:

Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, selama mana kamu berpegang padanya, kamu tidak akan sesat, (perkara tersebut ialah) kitabullah (al-Quran) dan Sunnah Nabi Muhammad. (Muwatta Malik) (“The Decree,” 2020)

3. Mensyukuri Nikmat:

Ajaibnya urusan seorang Mukmin. Sesungguhnya semua urusannya adalah baik belaka. Dan hal itu tiada bagi seorang pun melainkan bagi orang Mukmin sahaja. Jika dia mendapat suatu perkara yang menyenangkan, dia bersyukur, maka itu ialah kebaikan baginya. Dan jika dia mendapat suatu perkara yang menyusahkan, dia bersabar, maka itu juga ialah kebaikan bagi dirinya. (Sahih Muslim) (“Chapter: The believer's Affair is All Good,” 2020)

4. Adil:

Orang-orang yang berlaku adil berada di sisi Allah di atas mimbar (panggung) yang terbuat dari cahaya, di sebelah kanan tuhan yang bersifat ar rahman ‘azza wajalla, mereka ialah orang-orang yang berlaku adil dalam hukuman mereka, adil dalam keluarga dan adil keatas orang yang dibawah tanggungjawab mereka. (Sahih Muslim) (Chapter: The Virtue of a Just Ruler and the Punishment of a Tyrant; Encouragement to Treat Those under One's Authority with Kindness and the Prohibition Against Causing Them Hardship,” 2020)

5. Benar:

Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka hendaklah dia berkata baik ataupun diam. (Sahih al-Bukhari) (“Chapter: Whosoever Believes in Allah and the Last Day Should Not Harm His Neighbor,” 2020)

6. Taat:

Tiada ketaatan dalam perkara maksiat. Sesungguhnya ketaatan itu adalah hanya pada perkara yang makruf (kebaikan). (Shahih al-Bukhari) (“Acceptance of the Information Given by One Truthful Person in about All Matters,” 2020)

7. Amanah:

Tunaikan amanah kepada siapa yang mengamanahkan kepada kamu dan jangan kamu khianat siapa yang mengkhianati kamu. (Abi Daud) (“Chapter: Regarding A Man Who Takes His Right from Something That is Under His Control,” 2020)

8. Jujur (Ikhlas):

Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu, tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu. (Sahih Muslim) (“Chapter: The Prohibition of Wronging, for Saking, or Despising a Muslim and the Inviolability of His Blood, Honor and Wealth,” 2020)

9. Sabar:

Sesungguhnya hanyalah kesabaran itu pada pada kejutan yang pertama. (Sahih al-Bukhari) (“Chapter: Visiting the Graves,” 2020)

10. Malu:

Iman itu lebih dari enam puluh cabang dan malu itu satu cabang dari iman. (Sahih al-Bukhari) (“Chapter: (What is said) Regarding the Deeds of Faith,” 2020)

11. Mengasihi dan Menyayangi:

Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam. (Sahih Muslim) (“Chapter: The Mutual Mercy, Compassion and Support of the Believers,” 2020)

12. Akhlak:

Bukanlah seorang mukmin orang yang suka mencela, suka melaknat dan yang keji (sama ada perkataannya atau perbuatannya) dan yang kotor mulutnya (sekalipun perkataannya itu benar). (Jami` at-Tirmidhi) (“Chapter: What has been Related about the Curse,” 2020)

13. Kewajipan:

Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya. Dan apabila dia tidak mampu lagi, maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman. (Sahih Muslim) (“Chapter: Clarifying That Forbidding Evil is Part of Faith, Faith Increases and Decreases; Enjoying What is Good and Forbidding What is Evil are Obligatory,” 2020)

14. Ilmu:

Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke Syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur’an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah SWT akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya. (Shahih Muslim) (“Chapter: the Virtue of Gathering to Read Quran and to Remember Allah,” 2020)

***Lakuan pertuturan guru yang menerapkan teras hati budi Melayu bertemakan agama Islam***

Hasil analisis terhadap 161 helai muka surat transkrip rekod audiovisual pengajaran guru-guru, pengkaji mendapati hanya terdapat 11 ujaran yang mengandungi THBM yang bertemakan Agama. 11 Ujaran tersebut mempamerkan secara langsung kata kunci yang mempunyai jalinan perkaitan makna dengan komponen THBM yang bertemakan Agama. Berikut merupakan 11 ujaran yang mengandungi THBM yang bertemakan Agama mengikut kelompok kata kunci.

1. Mensyukuri Nikmat:

- i. HBMUI/MN1/J-CN: **Alhamdulillah**, hari ini kita jumpa lagi.

2. Adil:

- ii. HBMUI/A1/K-CS: Menjadi murid yang yang cemerlang, oh cikgu faham maksud awak **seadilnya** maksud dia, menjadi murid, menghormati guru ni dengan berusaha untuk menjadi cemerlang lah ya, bila kita menjadi cemerlang maknanya kita, dengan kata lain kita ikut nasihat gurulah. Macam tulah, betul? ...

3. Amanah:

- iii. HBMUI/A1/M-CN: Ya, **amanah**. Jumpa perkataan **amanah**?

4. Jujur:

- iv. HBMUI/J1/J-CR: ... Fokus ya. Tolong fokus. Jangan ikut kawan. (Murid-murid mengangkat *thumbs up*). Kalau tak dapat **jujur** dengan cikgu. Kalau dapat nyatakan imbuhan awalan dan akhiran. Lesvi, tolong fokus, bagi respon. Cikgu nak tengok. Ok semua berjaya, tepuk tangan.
- v. HBMUI/J2/J-CR: ... Saya ada dengar, ada yang boleh buat, ada yang tak boleh buat, tak mengapa, yang tak boleh nanti cikgu bimbing kemudian. Tapi **jujur**, *thumbs up* jika kamu boleh buat, jika kamu yakin kamu boleh buat. ...
- vi. HBMUI/J2/J-CR: ... Saya nak tengok berapa ramai yang boleh buat. Ok? Yang tak boleh jujur ya. **Jujur** dengan cikgu, **jujur** dengan diri kamu sendiri. Ok semua boleh. Syamina tolong tandakan ni. Ok cepat sikit...
- vii. HBMUI/J3/M-CN: Ya bagus, tepuk tangan. Kamu jumpa tak perkataan **jujur**? (Guru bertanya kepada murid-murid).

5. Sabar:

- viii. HBMUI/S1/J-CN: **Sabar** sikit. Ok, masuk mayonis ya. Betul dah? Hmm, sedapnya. Picit kuat-kuat sikit. Ada keluar angin lah. Ok dah. Lepas tu, dah masuk mayonis nak buat apa ni?
- ix. HBMUI/S2/M-CN: Tutup mata dan **sabar**.

6. Mengasih dan Menyayangi

- x. HBMUI/SYG1/M-CN: Ok, cikgu pun **sayang**. Duduk.

7. Ilmu

- xi. HBMUI/I1/K-CS: ... Lepas tu, dapat **pengetahuan** yang baru, saya rasa dapat **pengetahuan** yang baru isi di bawah sinilah, ini pengembangan isilah...

11 ujaran tersebut hanya mempamerkan secara langsung 7 kata kunci yang mempunyai jalinan perkaitan makna dengan komponen THBM yang bertemakan Agama, iaitu Mensyukuri Nikmat = 1, Adil = 1, Amanah = 1, Jujur = 4, Sabar = 2, Mengasihi dan Menyayangi =1 dan Ilmu = 1. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya keterbatasan penerapan secara langsung THBM yang bertemakan Agama dalam lakuan pertuturan guru-guru, khususnya guru bahasa Melayu. Namun begitu, hasil analisis data menunjukkan bahawa penerapan THBM yang bertemakan Agama berlaku secara tidak langsung dalam ujaran guru-guru. Jadual di bawah mempamerkan contoh lakuan pertuturan guru yang menerapkan komponen THBM yang bertemakan Agama secara tidak langsung atau secara tersirat.

Jadual 2: Contoh lakuan pertuturan guru yang menerapkan komponen THBM yang bertemakan agama secara tidak langsung atau secara tersirat

UJARAN	Perlakuan Pengucapan	Kelompok Kata Kunci
xii.	HBMUI/B/J-CR: Ok kalau dah, kamu boleh minta kawan kamu semakkan. Pastikan ejaan. Ok lima minit. Dah semak dah Haikal? Semak kawan kamu punya. Ha tukar dengan Haikal boleh?	Benar
xiii.	HBMUI/T/J-CR: ... Ok, sekarang cikgu nak kamu buka topi kamu. Bagi pada group leader, group leader tolong susun elok-elok dan pulang balik pada cikgu. Ok, cepat sikit. Group leader sahaja. Tak ada berebut-rebut.	Taat
xiv.	HBMUI/A/S-CA&CF: ...Penjaga masa pastikan anda menjaga masa.	Amanah
xv.	HBMUI/AK/J-CN: Ok, kita tengok, yang muka oren, ok? Ha, cakap apa tu? Ucap apa dah dapat?	Akhlak
xvi.	HBMUI/K/J-CR: ...Shh! Lutfi! Sini! Saya kata <i>eyes on</i> Azliana. Dengarlah jawapan dia, kamu boleh belajar juga.	Kewajiban

Berdasarkan Jadual 2 di atas, penerapan THBM yang bertemakan Agama yang melibatkan kata kunci Benar, Taat, Amanah, Akhlak dan Kewajiban hanya boleh diperhatikan melalui perlakuan niat pengucapan (ilokusi) guru-guru kerana dalam ujaran guru-guru sememangnya terdapat perlakuan niat pengucapan tertentu yang terdiri daripada pelbagai jenis lakuan gramatis dan fungsinya turut berbeza (Zainal, 2017, 197). Berpandukan prinsip Lakuan Pertuturan Austin (1962) dan Searle (1983), Ujaran (xii) “*Ok kalau dah, kamu boleh minta kawan kamu semakkan. Pastikan ejaan. Ok lima minit. Dah semak dah Haikal? Semak kawan kamu punya. Ha tukar dengan Haikal boleh?*” dapat difahami bahawa lakuan niat pengucapan guru ialah guru menyuruh murid supaya menyerahkan hasil kerjanya untuk disemak oleh rakannya dan guru turut menyuruh murid tersebut menyemak hasil kerja rakannya. Suruhan guru tersebut bertujuan untuk memastikan murid-muridnya benar-benar melakukan kerja yang disuruh. Hal ini dapat mencegah murid-murid daripada menipu atau tidak menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru mereka. Berdasarkan lakuan pertuturan tersebut, penerapan THBM bertemakan Agama yang berunsurkan nilai benar dapat dilakukan secara tidak langsung.

Begitu juga halnya dengan Ujaran (xiii) “*Kampung. Ok, sekarang cikgu nak kamu buka topi kamu. (Murid-murid membuka topi masing-masing). Bagi pada group leader, group leader tolong susun elok-elok dan pulang balik pada cikgu. Ok, cepat sikit. Group leader sahaja. Tak ada berebut-rebut.*” Lakuan niat pertuturan bagi Ujaran (xiii) ini ialah guru menyuruh murid-murid menanggalkan topi yang mereka pakai dan menyerahkan topi tersebut kepada ketua kumpulan. Guru juga menyuruh ketua kumpulan menyusun topi-topi yang dipakai oleh ahli kumpulannya untuk mengembalikannya kepada guru. Ayat “*Group leader sahaja. Tak ada berebut-rebut.*” merupakan arahan kepada setiap ahli kumpulan supaya akur terhadap ketetapan guru, iaitu menyerahkan topi yang dipakai kepada ketua kumpulan, bukannya terus mengembalikan kepada guru secara peribadi. Melalui Ujaran (xiii) ini, guru secara tidak langsung telah menerapkan nilai taat kepada murid-murid dan ia merupakan sebahagian daripada THBM berteraskan Agama.

Selanjutnya, penerapan nilai amanah dapat diperhatikan menerusi lakuan niat pengucapan pada Ujaran (xiv) “*...Penjaga masa pastikan anda menjaga masa.*”, yakni guru menyuruh penjaga masa supaya menjaga masa dengan sebaik mungkin. Guru mengarahkan setiap penjaga berbuat demikian kerana tidak mahu mereka berlaku pecah amanah dengan menyebelahi kumpulan masing-masing. Walaupun dalam Ujaran (xiv) tiada wujud perkataan amanah, namun begitu dari segi prinsip moral, individu yang diberikan tanggungjawab untuk menjaga sesuatu perkara, individu tersebut akan terikat dengan nilai amanah yang ada hubung kaitnya dengan kepercayaan dan rasa hormat orang lain terhadap dirinya. Dalam ajaran agama Islam, al-Quran telah menegaskan perkara ini dalam Surah an-Nisa':

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.” (an-Nisa' 4:58)*

Seterusnya, perlakuan niat pertuturan bagi Ujaran (xv) “*Ok, kita tengok, yang muka oren, ok? Ha, cakap apa tu? Ucap apa dah dapat?*” ialah guru meminta murid-murid melafazkan ucapan terima kasih setelah menerima lembaran kertas yang diberikan olehnya. Ayat “*Ha, cakap apa tu? Ucap apa dah dapat*” dalam Ujaran (xv) terdapat pengulangan pertanyaan dibuat oleh guru. Hal ini menunjukkan bahawa guru bersungguh-sungguh mahu murid-murid menyedari perbuatan yang sewajarnya mereka perlu lakukan. Secara tersirat, perlakuan guru tersebut bertujuan untuk membentuk murid-murid menjadi insan yang berakhlak mulia sesuai dengan amalan masyarakat Melayu yang tercermin dalam pepatah “Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.” Melalui Ujaran (xv) ini, penerapan THBM bertemakan Agama yang berunsurkan akhlak telah dapat dilakukan oleh guru tersebut.

Penerapan THBM Melayu berteraskan Agama yang berunsurkan kewajipan juga dapat dilihat secara implisit dalam Ujaran (xvi) “*Shh! Lutfi! Sini! Saya kata eyes on Azliana. Dengarlah jawapan dia, kamu boleh belajar juga.*” Penginterpretasian makna terhadap Ujaran (xvi) menunjukkan bahawa perlakuan niat pengucapan guru ialah guru memerintah Lufti supaya berhenti mengganggu rakannya dan memberikan fokus terhadap pembentangan yang dibuat oleh Azliana. Guru sengaja menegah perbuatan Lufti tersebut secara terang-terangan kerana tiada murid-murid lain yang mengendahkan Lufti, sedangkan pada ketika itu semua murid berkumpul dalam satu kumpulan. Berdasarkan perlakuan niat pengucapan di atas, secara

tersirat guru sebenarnya ingin meminta kerjasama murid-murid supaya dapat memainkan peranan bagi menjaga ketenteraman kelas dengan memaklumkan kepada guru sekiranya terdapat rakan-rakan yang melanggar peraturan kelas dan tidak fokus terhadap aktiviti pembelajaran kerana tugas menjaga ketenteraman kelas merupakan kewajiban setiap murid-murid.

Berdasarkan penginterpretasian makna terhadap Ujaran (xii) sehingga Ujaran (xvi), proses penerapan THBM bertemakan Agama dalam lakuan pertuturan guru-guru juga berlaku secara implisit atau tersirat. Murid-murid kemungkinan besar dapat memahami nilai-nilai murni berteraskan THBM yang cuba disampaikan oleh guru mereka melalui konteks perbualan ketika PdP berlangsung. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid memperoleh bahasa melalui penghayatan dan persepsi mereka terhadap alam sekitar. Proses pemahaman murid-murid terhadap alam nyata bermula apabila mereka mendengar bunyi-bunyi bahasa yang membawa makna dan seterusnya mereka memproses apa-apa yang didengar tersebut untuk difahami (Zaitul Azma Zainon Hamzah 2005, 152).

Sesungguhnya, konseptualisasi THBM yang bertemakan Agama dengan al-Quran dan Hadis dapat memandu penyelidik untuk melihat sejauh mana penerapan THBM yang bertemakan Agama dalam lakuan pertuturan guru-guru. Walaupun penerapan THBM bertemakan Agama dalam lakuan pertuturan guru-guru berlaku secara implisit atau tersirat, tetapi perkara ini masih lagi selari dengan ajaran Islam sepertimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan Hadis, antaranya ialah:

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (al-Nahl 16:125)*

THBM bertemakan Agama seperti mensyukuri nikmat, adil, amanah, jujur, sabar, mengasihi dan menyayangi, berilmu, benar, taat, amanah, akhlak dan kewajiban sangat relevan diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kerana ia merupakan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat serta selaras dengan agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016, hlm. 10). Hal ini dikatakan demikian kerana “penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum” (Mohamad Khairi Othman, 2014, hlm. 82).

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengkonseptualisasikan TBBM bertemakan Agama dengan al-Quran dan al-Hadis. Selain itu, kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa terdapat proses penerapan THBM bertemakan Agama dalam lakuan pertuturan guru-guru dan kebanyakan proses penerapan tersebut berlaku secara tidak langsung atau tersirat. Penerapan THBM bertemakan Agama secara langsung atau tersurat boleh diteliti melalui lakuan perlakuan pengucapan (lokusi), manakala penerapan THBM bertemakan Agama secara tidak langsung atau tersirat boleh diteliti melalui perlakuan niat pengucapan (ilokusi). Bentuk lakuan

niat pengucapan yang digunakan oleh guru untuk menerapkan THBM bertemakan Agama ialah berbentuk arahan, iaitu menyuruh, mengarah, meminta dan memerintah.

Kajian ini penting untuk dijadikan panduan kepada guru-guru dan bakal guru supaya mereka dapat memahami bahawa penerapan Teras Hati Budi Melayu bertemakan Agama dapat dilakukan melalui perlakuan pengucapan dan perlakuan niat pengucapan. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat memberikan pemahaman kepada warga pendidik bahawa arahan-arahan yang dibuat oleh guru kepada murid-murid bertujuan menghasilkan kesan tertentu kepada mereka, iaitu penghayatan terhadap nilai-nilai murni yang berteraskan Teras Hati Budi Melayu, khususnya yang bertemakan Agama, iaitu nilai mensyukuri nikmat, adil, amanah, jujur, sabar, mengasihi dan menyayangi, berilmu, benar, taat, amanah, akhlak dan kewajiban. Kajian ini mencadangkan supaya guru-guru melipatgandakan usaha untuk menerapkan THBM bertemakan agama Islam yang berupa nilai-nilai murni yang bersifat sejagat secara langsung dalam proses PdP. Usaha ini penting dilakukan oleh guru-guru untuk memastikan murid-murid mempunyai keperibadian yang mulia dan mempunyai jati diri yang unggul. Kajian selanjutnya boleh dilakukan oleh pengkaji lain bagi mereka bentuk dan membangunkan model nilai-nilai murni berteraskan THBM untuk dijadikan sebagai salah satu daripada Elemen Merentasi Kurikulum (EMK), khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **PENGHARGAAN**

Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PGURU/6315134).

## **RUJUKAN**

- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2016). Warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban*, 9, 11-10.
- Austin, J.L. (1962). *How to do things with words*. Oxford: Clarendon Press.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Buku penerangan standard kurikulum sekolah menengah (KSSM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chapter: (What is said) regarding the deeds of faith. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/bukhari/2/2>
- Chapter: Acceptance of the information given by one truthful person in about all matters. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/bukhari/95/12>
- Chapter: Clarifying that forbidding evil is part of faith, faith increases and decreases; Enjoying what is good and forbidding what is evil are obligatory. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/1/84>
- Chapter: Regarding a man who takes his right from something that is under his control. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/abudawud/24/120>
- Chapter: The believer's affair is all good. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/55/82>
- Chapter: The mutual mercy, compassion and support of the believers. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/45/84>
- Chapter: The prohibition of wronging, forsaking, or despising a Muslim and the inviolability of his blood, honor and wealth. (23 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/45/42>

- Chapter: The virtue of a just ruler and the punishment of a tyrant; Encouragement to treat those under one's authority with kindness and the prohibition against causing them hardship. (23 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/33/21>
- Chapter: The virtue of gathering to read Quran and to remember Allah. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/muslim/48/48>
- Chapter: Visiting the graves. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/bukhari/23/44>
- Chapter: What has been related about how the judge is to make a judgement. (23 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/tirmidhi/15/7>
- Chapter: What has been related about the curse. (23 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/tirmidhi/27/83>
- Chapter: Whosoever believes in Allah and the Last Day should not harm his neighbor. (23 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/bukhari/78/49>
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.*
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. (2015). Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu*, 14(2), 260-273.
- Hawiyah Baba & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015), "Nilai Melayu dalam simpulan bahasa: Analisis pragmatik", Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015) Pelestarian dan Perakayasaan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 20 - 21 Januari 2015.
- Isnariah Idris & Che Ibrahim Salleh. (2017). Medan semantik hati budi Melayu dalam warkah Melayu tradisional. *Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 4(2), 309-327
- Junaini Kasdan & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu. Seminar meja bulat: Simpulan bahasa dan kognitif penutur, Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, 28 September 2015.
- Lee, R.M. (20019). Unobtrusive methods. Dalam Liamputtong (Ed.), *Handbook of research methods in health social sciences* (hlm. 491-507). Singapore: Springer Singapore.
- Mohamad Khairi Othman. (2014). Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar. *Jurnal Pembangunan Manusia dan Komunikasi*, 3, 81-92.
- Nawawi, M. A. (2017). Metode hermeneutika kesadaran (fenomenologi) dalam memahami teks. *Al-Burhan|Jurnal Kajian Ilmu dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 17(2), 185-206.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perunggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid & Ani Omar. (2018). Sejarah Melayu sebagai lambang tradisi akal budi bangsa yang tinggi. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 191-209.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 2(1), 189-206.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (20 Mei, 2020). Diambil daripada [2020http://prpm.dbp.gov.my/](http://prpm.dbp.gov.my/)
- Rozita Che Rodi. (2013). Bahasa sebagai cerminan nilai hati budi Melayu dari sudut medan semantik. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

- Rozita Radhiah Said. (2016). Peribahasa: Manifestasi pemikiran aras tinggi bangsa. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 3(2), 113-127.
- Searle, J.R. (1983). *Intentionality: An essay in philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Surah.my. (20 Mei, 2020). Diambil daripada <http://www.surah.my/>
- Tenas Effendy. 2004. *Ethos kerja*. Pekanbaru: Unri Press.
- Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk ajar Melayu*. Yogyakarta: Adicita Karya Nusa.
- The Decree. (21 Jun, 2020). <https://sunnah.com/malik/46> (Diakses pada 21 Jun 2020)
- The Hadith of the Prophet Muhammad (صلى الله عليه و سلم) at your fingertips 2020. (21 Jun, 2020). Diambil daripada <https://sunnah.com/>
- Zainal, M.Z. (2017). Lakuan ilokusi guru dalam pengajaran bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 191-208.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005). Bahasa, konteks dan pemikiran kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 5(2), 35-153.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **MUHAMMAD ZUHAIR ZAINAL**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800, Minden, USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
[zuhair@usm.my](mailto:zuhair@usm.my)

### **SHAHIR AKRAM HASSAN**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia,  
Bangunan D04, 11800 Minden, USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
[shahirakram@usm.my](mailto:shahirakram@usm.my)

### **AZNAN CHE AHMAD**

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800, Minden, USM, Pulau Pinang, Malaysia.  
[aznan@usm.my](mailto:aznan@usm.my)